

MELABUR itu mudah dan perlu dilakukan secara konsisten demi menjamin masa depan.



Pelaburan **bantu** bina tabunguan

Metro 9/8/14 M516

■ Kaedah pelaburan sistematik bantu capai matlamat dalam jangka panjang

Seorang rakan penulis yang baru mula bekerja selepas tamat pengajian pernah berkongsi cerita bahawa dia menghadapi masalah untuk menyimpan sedikit wang hasil daripada gajinya setiap bulan.

Boleh dikatakan kadang kala pendapatan bulannya habis dibelanjakan untuk membeli pelbagai barangan tidak berfaedah.

Menurutnya, apabila dicongak selepas memberi wang belanja kepada ibu bapanya, membayar sewa rumah, bil telefon dan sebagainya, wang simpanan di dalam bank hanya cukup makan saja.

Selepas empat tahun bekerja, baru dia sedar dan mula untuk menyimpan, menabung serta melabur secara potongan gaji selepas dinasihati ibunya.

Pada pandangan orang ramai, tempoh mula menyimpan selepas empat tahun bekerja itu mungkin agak lewat, namun ia lebih baik daripada tidak melakukan sesuatu langsung.

Berbicara mengenai pelaburan seperti yang dibuat oleh rakan penulis, terdapat banyak instrumen pelaburan di pasaran yang memerlukan kos permulaan sekitar RM100 mahupun serendah RM10.

Antaranya termasuk Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2

Jumlah pelaburan terkumpul jika pelaburan dilakukan sebanyak RM50 secara konsisten setiap bulan. Melihat kepada jumlah pelaburan pada usia 60 tahun, adalah lebih bijak untuk mula melabur secara konsisten seawal mungkin untuk tabungan lebih kukuh.

Usia mula menabung	Tempoh menabung (Tahun)	Pelaburan bulanan (RM)	Jumlah pelaburan pada usia 60 tahun (RM)
20	40	50	131,241
25	45	50	90,051
30	50	50	60,998

Andai dividen pada kadar purata 7% dan dividen yang diterima dilaburkan semula

(ASB 2), yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Pelaburan ASB adalah pelaburan dalam unit amanah yang berisiko rendah dan sehingga kini memberi pulangan kompetitif dengan pulangan purata tujuh peratus setahun.

Ini menjadikannya pilihan pelaburan yang baik untuk perancangan kewangan jangka sederhana dan panjang.

Hakikatnya, pelaburan bukan untuk orang kaya saja kerana bagi memulakan pelaburan, individu tidak perlu mempunyai gaji yang besar, tetapi yang penting mem-

punyai sumber pendapatan.

Mulakan dengan pelaburan RM50 atau RM100 sebulan secara konsisten dan tetapkan matlamat.

Selepas 10 atau 20 tahun, anda pasti berasa gembira dengan hasil pelaburan berkenaan.

Jika berasa sukar untuk membuat komitmen berkenaan, gunakan kemudahan seperti skim potongan gaji bagi memastikan anda tidak ketinggalan membuat pelaburan pada setiap bulan.

Wujudnya pilihan pelaburan seperti ASB dan ASB 2, sebenarnya kita boleh mula melabur pada bila-bila masa.

Anggap pelaburan seperti perbelanjaan dan letakkan kepentingannya sama seperti utamanya membayar bil atau hutang setiap bulan serta lakukannya sebaik mendapat gaji.

Sebagai contoh, anda boleh memperuntukkan RM50 atau RM100 untuk pelaburan dalam ASB menerusi kemudahan potongan gaji yang disediakan ASNB.

Jangan membuat potongan dalam jumlah yang besar kerana ia mungkin mengganggu perbelanjaan dan menyebabkan anda terdorong mengeluarkannya di pertengahan atau hujung bulan.

Selain itu, bajet adalah satu perkara penting dalam perancangan kewangan di mana ia mengajar kita mengenali perbezaan antara keperluan dan kehendak.

Memahami perbezaan dua perkara ini akan membantu menjadikannya kita pengurus kewangan yang bijak. Ramai anak muda hari ini berdepan masalah kewangan kerana gagal menangani kehendak mereka.

Sebaiknya, jangan bertangguh memulakan pelaburan kerana masa yang panjang akan membolehkan kuasa pengkompaunan mengembangkan pelaburan anda.

Bagaimanapun, untuk menikmati kelebihan kuasa pengkom-

paunan, anda perlu melabur konsisten, tidak mengeluarkan dividen yang diperoleh dan perlu bermula secepat mungkin.

Misalnya, jika anda berusia 20 tahun ketika ini, dengan pelaburan RM50 sebulan, anda dianggarkan mampu mempunyai tabungan RM130,000 selepas 40 tahun.

Ini dengan andaian dividen pada kadar purata tujuh peratus setahun dan dividen yang diterima dilaburkan semula.

Kaedah pelaburan sistematik seperti potongan gaji bulanan, pelaburan menggunakan Internet dan arahan tetap boleh digunakan untuk membantu dalam membuat pelaburan konsisten serta meraih manfaat daripada kuasa pengkompaunan.

Melalui salah satu cara daripada kaedah berkenaan, anda tidak perlu ke bank untuk melabur selain dapat mengelak daripada terlupa melabur atau menggunakan wang yang diperuntukkan untuk melabur.

Laman web ASNB menunjukkan institusi pelaburan berkenaan menawarkan perkhidmatan pelaburan sistematik ini untuk pelaburan dalam ASB iaitu menerusi potongan gaji, pelaburan menggunakan Internet menerusi portal Maybank, CIMB, RHB dan AffinBank serta perkhidmatan arahan tetap menerusi BSN.

